

Senegal berminat dapatkan bantuan teknikal Malaysia

1041 3 SEP 2002

Oleh ISMAIL DAUD

PUTRAJAYA 12 Sept. — Senegal berminat untuk mendapatkan kerjasama dan bantuan teknikal dari Malaysia bagi mereka bentuk dan membangunkan bandar pentadbirannya yang baru.

Timbalan Menteri Luar, Datuk Leo Michael Toyad berkata, permintaan itu disampaikan oleh Presiden Senegal, Abdoulaye Wade kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selepas kagum melihat pembangunan terancang Putrajaya.

Menurutnya, dengan kerjasama dari Malaysia itu, Senegal berharap negara itu dapat mengelakkan daripada berdepan dengan masalah dalam membangunkan bandar itu.

“Beliau begitu kagum dengan Putrajaya dan berharap Malaysia dapat menjadi seperti perunding untuk mereka membina bandar dengan konsep yang sama,” katanya kepada pemberita selepas mesyuarat delegasi Malaysia dan Senegal di sini, hari ini.

Dr. Mahathir mengetuai delegasi Malaysia seramai sembilan orang dan Abdoulaye mengetuai delegasi lima anggota dari negaranya.

Mesyuarat itu diadakan sempena lawatan rasmi tiga hari Abdoulaye ke Malaysia bermula semalam.

Toyad berkata, bandar pentadbiran itu perlu dibina berikutan ibu negaranya, Dakar sukar untuk dibangunkan lagi.

Selain itu, katanya, Senegal juga mahu mendapatkan kerjasama Malaysia untuk membina lapangan terbang dan memajukan lagi pelabuhannya serta industri pengeluaran tayar.

Mengenai perdagangan, beliau berkata, jumlah perdagangan antara kedua-dua negara masih kecil dengan imbalan pembayaran memihak kepada Malaysia.

“Pada tahun 2000, jumlah perdagangan ialah sebanyak RM6.94 juta dan meningkatkan kepada RM9.51 juta pada tahun 2001 dengan sebahagian besar darinya adalah pengimportan kapas,” katanva.

Bagaimanapun, kata Toyad, Senegal berpotensi besar untuk menjadi pintu masuk kepada barangan Malaysia berikutan kedudukan negara itu yang terletak di pantai barat Afrika.

Dalam mesyuarat itu, katanya, Abdoulaye turut menyatakan hasrat Senegal untuk belajar dari Malaysia membangunkan ekonomi dan negara.

"Mereka begitu kagum dengan kejayaan Malaysia berubah dari ekonomi berasaskan komoditi kepada ekonomi berteraskan industri pada hari ini," katanya.

Beliau berkata, Dr. Mahathir turut mengambil peluang menjelaskan dengan panjang lebar pendekatan yang digunakan dalam menjadikan Malaysia sebuah negara membangun yang maju.

Sempena pertemuan itu, katanya,

Dr. Mahathir turut mengundang Abdoulaye menghadiri sidang Negara-negara Berkecuali (NAM) Februari depan dan Sidang Kemuncak Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) Oktober tahun depan.

Dalam pada itu, Toyad berkata, pembukaan Kedutaan Senegal di Malaysia sejak Julai lalu dijangka memperkukuhkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Malaysia telah membuka kedutaannya di Senegal pada tahun 1992 dan jawatan itu kini disandang oleh Datuk Idris Zainuddin. Duta Senegal ke Malaysia ialah Amodou Faye.

Terdahulu, Abdoulaye Wade diberi sambutan penuh istiadat di Medan Parlimen sempena lawatannya ke Malaysia.

Abdoulaye disambut Yang di-Per-tuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Per-

dana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Sejurus kemudian lagu *Negaraku* dan lagu kebangsaan Senegal dimainkan oleh pasukan pancaragam dari Pusat Kor-Armour Diraja.

Abdoulaye kemudiannya memeriksa perbarisan kehormat Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja terdiri daripada empat pegawai dan 103 anggota yang diketuai Mejar Hamdan Musa.

Abdoulaye kemudian diperkenalkan kepada barisan anggota Kabinet dan para diplomat asing.

Abdoulaye yang tiba bagi lawatan pertamanya ke negara ini semalam, turut disertai delegasi 30 anggota.

Beliau akan diraikan pada jamuan negara di Istana Negara malam ini.